

**Najib Ziarah Jenazah Pembantu Tadbir Pejabat Perdana Menteri
Bernama
Mei 16, 2014**

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menziarahi jenazah Sumiyah Sumadi, pembantu tadbir di Pejabat Perdana Menteri, yang meninggal dunia akibat kanser rahim.

Najib tiba di rumah keluarga Allahyarham di Kampung Baru di sini pada 6.40 petang.

Beliau turut menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham yang diwakili abang iparnya Asrori Saaban.

Sumiyah, pembantu tadbir kepada Pengarah Bahagian Media Pejabat Perdana Menteri yang juga Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Datuk Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad, meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur pada 4.30 petang tadi.

Allahyarham berusia 56 tahun. Beliau merupakan anak keempat daripada lapan beradik.

Asrori berkata Perdana Menteri menggambarkan Sumiyah sebagai seorang yang pendiam namun amat berdedikasi terhadap tugasnya.

Turut menziarahi jenazah Allahyarham ialah Tengku Sariffuddin, Ketua Setiausaha Sulit Najib iaitu Datuk Azlin Alias serta warga kerja Pejabat Perdana Menteri.

Jenazah Allahyarham akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang di sini pagi esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038878>